

11/10/1997

Kelab Senator berdiri teguh di belakang Mahathir

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kelab Senator Malaysia menyokong penuh sebarang usaha yang diambil Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam menangani kemelut ekonomi yang melanda negara sekarang.

Ahli Majlis Kelab Dewan Negara yang bermesyuarat di Parlimen hari ini juga yakin Dr Mahathir mampu menangani krisis kewangan dan ekonomi negara.

Timbalan Presiden kelab, Datuk Mohd Zuki Kamaluddin, berkata ahli kelab itu berdiri teguh di belakang kepemimpinan Dr Mahathir dan Anwar.

"Kami mendukung usaha yang akan dilaksanakan kerajaan dalam menyelesaikan kemelut ekonomi yang dihadapi sekarang," katanya ketika membacakan kenyataan tiga perenggan yang dikeluarkan pada akhir mesyuarat itu.

Semua 60 ahli kelab itu yang terdiri daripada Senator dan bekas Senator, juga berdoa agar Dr Mahathir diberi kekuatan terus menerajui kepemimpinan kerajaan demi kedaulatan agama, bangsa dan negara.

Menjawab soalan, Mohd Zuki berkata, kemelut ekonomi yang dihadapi sekarang akan dibincangkan secara terperinci pada persidangan Disember ini yang akan dilanjutkan selama dua hari.

"Apa juga pandangan dan idea untuk menyelesaikan masalah ekonomi negara akan dikemukakan pada persidangan itu," katanya.

(END)